



18 Ogos 2020
18 August 2020
P.U. (B) 408

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA UNDER SECTION 34

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

MENURUT subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], Mufti, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 37(5) Akta, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

FATWA UNDER SECTION 34

PURSUANT to subsection 34(1) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [*Act 505*], the Mufti, after having discussed with the Islamic Legal Consultative Committee pursuant to subsection 37(5) of the Act, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

JADUAL/*SCHEDULE*

FATWA BERKENAAN DENGAN SUSUNAN WALI NASAB BAGI SESEORANG
PEREMPUAN DALAM PERKAHWINAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-105 yang bersidang pada 30 November 2017 telah membincangkan perkara berkenaan dengan Susunan Wali Nasab bagi Seseorang Perempuan dalam Perkahwinan. Fatwanya adalah seperti yang berikut:

1. Susunan wali nasab bagi seseorang perempuan dalam perkahwinan adalah seperti yang berikut:

- (a) Bapa;
الأب
- (b) Datuk (bapa kepada bapa) dan ke atas;
الجد أبو الأب وإن علا

- (c) Saudara lelaki seibu sebapa;
الأخ للأب والأم
- (d) Saudara lelaki sebapa;
الأخ للأب
- (e) Anak saudara lelaki seibu sebapa;
ابن الأخ للأب والأم
- (f) Anak saudara lelaki sebapa;
ابن الأخ للأب
- (g) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa ke bawah;
ابن ابن الأخ للأب والأم وإن سفل
- (h) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa ke bawah;
ابن ابن الأخ للأب وإن سفل
- (i) Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa;
العم للأب والأم
- (j) Bapa saudara sebelah bapa sebapa;
العم للأب
- (k) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu);
ابن العم للأب والأم
- (l) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu);
ابن العم للأب
- (m) Anak sepupu seibu sebapa ke bawah;
ابن ابن العم للأب والأم وإن سفل
- (n) Anak sepupu sebapa ke bawah;
ابن ابن العم للأب وإن سفل
- (o) Bapa saudara bapa sebelah bapa seibu sebapa (datuk saudara);
عم الأب للأب والأم
- (p) Bapa saudara bapa sebelah bapa sebapa (datuk saudara);
عم الأب للأب
- (q) Anak lelaki datuk saudara seibu sebapa;
ابن عم الأب للأب والأم

- (r) Anak lelaki datuk saudara sebapa;
ابن عم الأب للأب
- (s) Anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara seibu sebapa ke bawah;
ابن ابن عم الأب للأب والأم وإن سفل
- (t) Anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara sebapa ke bawah;
ابن ابن عم الأب للأب وإن سفل
- (u) Bapa saudara datuk seibu sebapa (moyang saudara);
عم الجد للأب والأم
- (v) Bapa saudara datuk sebapa (moyang saudara);
عم الجد للأب
- (w) Anak lelaki moyang saudara seibu sebapa;
ابن عم الجد للأب والأم
- (x) Anak lelaki moyang saudara sebapa;
ابن عم الجد للأب
- (y) Anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara seibu sebapa; dan
ابن ابن عم الجد للأب والأم
- (z) Anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara sebapa.
ابن ابن عم الجد للأب

2. Jika suatu perkahwinan itu melibatkan seseorang perempuan yang tidak mempunyai wali nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja selaras dengan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Bertarikh 14 Ogos 2020

Dated 14 August 2020

[PMWP/100/20.Klt.5; PN(PU2)530/XIV]

DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH
Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Mufti for the Federal Territories